



## SIARAN AKHBAR

---

### **PROGRAM LAWATAN CEO SINGAPORE FOOD AUTHORITY (SFA) KE TAPAK PERUSAHAAN PERTANIAN GOLDEN CHICK LIVESTOCK FARM, SUNGAI PETAI DAN GROPOINT SDN BHD, TUNGKU DIKENDALIKAN OLEH JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN**

**Sabtu, 06 Februari 2021M** - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengendalikan lawatan bersama CEO Singapore Food Agency (SFA), Mr Lim Kok Thai ke Tapak Perusahaan Pertanian. Lawatan tersebut disertai oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, pegawai-pegawai kanan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif dari SFA.

Program dimulakan dengan lawatan ke ladang **Syarikat Golden Chick Livestock Farm** bertempat di Lot 4 Kawasan Kemajuan Pertanian Sungai Petai, Labi yang berkeluasan 10 hektar. Ladang tersebut menjalankan kegiatan ternakan ayam penelur yang mana pada masa ini diuruskan oleh Awang Ong Chek Teng dan Awang Ong Chek Thiam yang sudah bergrat sejak tahun 2016. Pada masa ini, syarikat tersebut sedang dalam usaha untuk mengembangkan perusahaan mereka ke arah pengeksportan telur ayam ke Singapura dan juga telah mencapai pengiktirafan Amalan Pemeliharaan Ternakan Yang Baik (*Good Animal Husbandry Practices*) pada 30hb September 2017. Dari hasil usaha pengusaha syarikat, sejumlah lapan (8) buah reban ayam penelur and dua (2) buah reban ayam pullet telah dibina yang berkapasiti 30 - 34 ribu setiap reban dengan pengeluaran 63.23 juta telur yang bernilai B\$10.03 juta pada tahun 2019.

Pada sebelah petang, program lawatan diteruskan ke ladang **Syarikat Gropoint Sdn Bhd** bertempat di Kawasan Kemajuan Pertanian Tungku, Daerah Brunei dan Muara yang berkeluasan 20 hektar di Lot D1. Syarikat tersebut sudah bergrat sejak tahun 2018 dengan aktiviti penanaman buah-buahan tidak bermusim khususnya *muskmelon* dengan menggunakan kaedah teknologi moden seperti fertigasi dan rumah terlindung (*Greenhouse*). Ladang syarikat tersebut dimiliki oleh Dayang Eileen Lee Hui Shi dan pada masa ini telah diuruskan oleh Awang Foo Gwen Tong. Syarikat tersebut merupakan syarikat pertama yang berjaya menembusi pasaran eksport bagi buah-buahan muskmelon tempatan. Setakat ini, syarikat telah berjaya meningkatkan jumlah hasil eksport buah Muskmelon dari 4,153.49 kilogram pada tahun 2019 kepada 75,544.07 kilogram pada tahun 2020 untuk dieksport ke Singapura. Dalam usaha membantu proses pengeksportan, syarikat ini juga telah memohon pengiktirafan *Brunei Good Agriculture Practice (BGAP)* melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan telah mendapat pengiktirafan pada 18hb September 2019.

**/TAMAT.**

Disediakan oleh:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 6 Februari 2021